

Malaysia Kekal Rakan Dagang Utama Amerika Syarikat Dalam Kalangan Anggota Asean
Bernama
19 Mei, 2012
Oleh Manik Mehta

NEW YORK, 19 Mei (Bernama) -- Malaysia terus menjadi rakan dagang utama Amerika Syarikat (AS) dalam kalangan negara anggota Asean sepanjang tempoh dua bulan pertama tahun ini, dan pakar di sini berpendapat trend ini akan berterusan bagi tempoh berbaki tahun ini.

Persuruhjaya Kanan Perdagangan Malaysia Mohd Mustafa Abdul Aziz menyuarakan keyakinan beliau bahawa trend ini akan berterusan pada bulan-bulan yang akan datang.

"Malaysia terus mengukuhkan kedudukannya sebagai rakan dagang utama Amerika Syarikat dalam Asean pada dua bulan pertama tahun ini," kata Mustafa kepada Bernama dalam temu bual di pejabat beliau di sini.

Menurut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdagangan AS, eksport Malaysia ke Amerika Syarikat dalam dua bulan pertama 2012 bernilai AS\$4.062 bilion, meningkat 2.63 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Penguasaan Malaysia ke atas import US dalam tempoh dua bulan tahun ini sebanyak 1.14 peratus, susut berbanding 1.23 peratus pada tempoh yang sama tahun lepas.

Selepas bermula sebagai sumber import ke-17 terbesar Amerika Syarikat pada awal tahun, Malaysia turun ke tangga ke-18, diambil alih oleh Colombia hasil eksport minyaknya yang tinggi.

Eksport Malaysia ke US didominasi oleh komoditi.

Kebanyakan pengeksport Malaysia mendapati lebih mudah mengeksport ke pasaran membangun seperti Timur Tengah, Asean, China dan India.

"Pengeksport Malaysia nyata tidak menyenangi peraturan ketat US ke atas kualiti standard dan sebagainya.

"Ini ketara apabila membabitkan makanan siap proses di mana kita perlu mengambil pendekatan yang lebih berfokus dan mengenal pasti usaha kita untuk memasuki pasaran yang sangat lumayan ini," kata Mustafa.

Import US ke atas produk mesin, kenderaan dan pelbagai produk kejuruteraan dan berteknologi tinggi, terus berkembang pada kadar dua angka.

Syarikat Malaysia perlu meneroka bidang perniagaan yang menjanjikan pertumbuhan yang akhirnya akan membolehkan Malaysia, bergerak daripada pembekal komoditi kepada pengeksport produk berteknologi tinggi.

Secara menyeluruh, eksport Asean ke US meningkat 5.21 peratus pada dua bulan pertama 2012 kepada AS\$19.01 bilion berbanding AS\$18.07 bilion pada tempoh perbandingan yang sama tahun lepas.

Malaysia yang mencatat eksport bernilai \$4.06 bilion, merupakan pengeksport utama

Asean, dengan Thailand mengekori rapat di belakang dengan eksport bernilai AS\$3.848 bilion.

Vietnam membuat kejutan paling besar apabila menduduki tempat ketiga menerusi eksportnya yang bernilai AS\$3.099, mengatasi Singapura dan Indonesia.

Eksport Vietnam meningkat 17.96 peratus.

Menurut Mustafa, eksport Malaysia mendapat rangsangan daripada permintaan tinggi untuk perabot (+17.3 peratus) dan makanan laut, terutama udang (+27.21 peratus).

Dalam usaha meningkatkan eksport, pejabat Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) New York bekerja rapat dengan agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Mustafa mengesahkan pasukan pemerolehan PBB sudah dipelawa untuk menyumber keperluan dari Malaysia.

Pejabat Pemerolehan PBB sedang mengenal pasti pembekal Malaysia yang sesuai untuk memenuhi keperluan misi pengaman PBB, terutama komponen kenderaan dan sebagainya.

Sementara itu, MATRADE sedang meningkatkan momentum program Malaysia Kitchen di sekitar New York, dan akan menganjur Minggu Restoran Malaysia di sini dari 18 hingga 24 Jun.

"Minggu ini ia berlangsung di lapan restoran Malaysia dan tiga restoran bukan Malaysia bagi mempromosi masakan Malaysia dan menerusinya, mengeksport rempah-ratus serta bahan lain.

"Sepanjang minggu ini, kami akan menghidangkan masakan istimewa Malaysia. Kami akan mempromosi produk Malaysia di pasar raya utama dan pasar raya Asia," kata Mustafa.

Mustafa baru-baru ini dipelawa melawat Doha, Qatar, tempat Matrade membuka pavilion yang menghimpunkan 56 syarikat dan agensi yang akan menyetujui bahan pembinaan dan keperluan lain pada pameran perdagangan khusus yang dikenali sebagai Projek Qatar.

Berdasarkan pengalaman beliau di Teluk -- selepas berkhidmat sebagai Konsul Jeneral/Persuruhjaya Perdagangan Malaysia di Dubai dari Disember 2000 hingga Januari 2004 -- Mustafa dianggap sebagai pakar dalam dagangan Malaysia di kawasan berkenaan.

Dan, beliau ditukarkan, sekali lagi ke Dubai dan akan mempromosi kepentingan perdagangan Malaysia selaku Persuruhjaya Kanan Perdagangan yang bertanggungjawab ke atas tujuh negara - lima anggota Majlis Kerjasama teluk (tidak termasuk Arab Saudi), Iran dan Iraq.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667271>